

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KONVENSYEN UMNO MELAKA DI DEWAN HANG TUAH, MELAKA PADA 16^{HB} FEBRUARI, 1974

Y.B. Encik Ghafar¹, Y.A.B. Tuan Haji Abdul Ghani², Ahli-ahli
Majlis Tertinggi UMNO, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat membuat lawatan singkat ke Melaka ini pada hari ini dan semalam. Seterusnya sukalah saya mengucapkan berbanyak terima-kasih kepada Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Melaka kerana sudi menjemput saya membuka Konvensyen yang penting pagi ini.

Dua hari lalu saya telah merasmikan Konvensyen UMNO Negeri Johor dan saya sukacita melihat sambutan yang begini hangat dari ahli-ahli UMNO Negeri Melaka terhadap Konvensyen ini. Barangkali juga ini berpunca dari tradisi UMNO Melaka yang kuat memegang disiplin serta berdiri teguh di belakang pimpinannya selama ini. Inilah agaknya rahsia kekuatan UMNO Melaka yang patut dicontohi oleh negeri-negeri lain.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang telah saya terangkan di masa-masa lampau, tujuan kita mengadakan Konvensyen ini ialah hendak memupuk rasa kesedaran di kalangan pimpinan UMNO khususnya mengenai pergolakan politik di tanahair pada masa ini dan di samping itu mendalamkan lagi pengetahuan mereka mengenai peranan UMNO dalam menghadapi tahun-tahun akan datang. Saya rasa amatlah mustahak para pemimpin UMNO di peringkat Cawangan dan Bahagian tahu akan tugas serta tanggungjawab masing-masing dan seterusnya boleh memberi fahaman pula kepada ahli-ahli *rank-and-file* terutama semasa persediaan untuk pilihanraya akan datang kelak.

Pada pendapat saya ahli-ahli UMNO sebagai parti yang mendukung Kerajaan patutlah juga mengambil berat atas perkembangan serta kemajuan yang telah kita capai dalam usaha memperbaiki

¹ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

² Ketua Menteri, Negeri Melaka.

keadaan ekonomi dan sosial rakyat, terutama sekali kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Untuk maksud ini, para peserta akan mendengar penerangan dari pihak-pihak yang bertanggungjawab melaksanakan dasar Kerajaan di peringkat Negeri dan Pusat, khasnya usaha-usaha pembangunan menurut Dasar Ekonomi Baru itu. Dengan yang demikian, kita berharap para peserta yang dipilih mengikuti Konvensyen ini akan dapat pula memanjangkan penerangan ini kepada ahli-ahli di Cawangan masing-masing supaya mereka bersedia memberikan kerjasama yang lebih berkesan lagi untuk menjayakan cita-cita rakyat dan Kerajaan. Saya suka mengingatkan semula iaitu matalamat utama kita memperjuangkan kemerdekaan dahulu ialah hendak membawa harapan dan taraf hidup yang lebih baik kepada rakyat marhaen seperti kata pepatah, "berdiri sama tinggi, duduk sama rendah" dengan rakyat negara-negara lain yang maju di dunia ini.

Dalam hubungan ini, para peserta Konvensyen akan berpeluang pula membincangkan dan membahaskan masala-masalah berkaitan dengan pelaksanaan dasar Kerajaan dan pertaliannya dengan dasar Parti kita. Seperti dimaklum, beberapa kertas kerja sudahpun disediakan dan beberapa orang tokoh Parti akan membimbing perbincangan yang akan berlangsung itu. Sebenarnya, melalui perbincangan-perbincangan terbuka seperti itulah kita akan dapat menentukan soal-soal pokok yang mengaitkan parti, Kerajaan dan orang ramai, terutama masala-masalah kehidupan mereka sehari-hari, dan dengan penuh jujur serta ikhlas kita bersama-sama mencari huraiannya. Saya percaya walaupun kadangkala perbahasan itu menjadi hangat, ini adalah semata-mata untuk mencari kata sepakat yang boleh diterima oleh semua. Bagaimana keruh air sekalipun akhirnya jernih semula.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang seringkali saya tegaskan, perkara yang paling utama dan mustahak kita titikberatkan ialah perpaduan dan persefahaman di kalangan ahli-ahli parti pada semua peringkat. Selagi kita sekalian bersatu teguh serta memberi sokongan penuh kepada pimpinan Parti, saya yakin tiada siapa yang boleh menggoncang kita atau mengambil-alih kekuasaan kita menjalankan pentadbiran serta membimbing rakyat ke arah hari depan yang lebih cerah dan gemilang.

Pengalaman kita di masa yang sudah-sudah membuktikan bahawa usaha hendak memecah-belahkan UMNO di Melaka ini semuanya

gagal oleh kerana ahli-ahli UMNO patuh pada disiplin dan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan pujian kepada Encik Ghafar sebagai Ketua Perhubungan UMNO atas sikap beliau yang jujur dan ikhlas bekerjasama semasa melaksanakan perubahan-perubahan dalam susunan UMNO Melaka tahun lalu. Begitu juga saya memberikan pujian serta ucapan terimakasih kepada ahli-ahli UMNO Melaka seluruhnya atas kesediaan mereka menerima dan menjalankan arahan Ibu Pejabat mengenai penyusunan semula itu.

Mengambil analogy atau tamsil yang sama, meskipun ada percubaan di pihak Parti Komunis Malaya dan anasir-anasir anti-nasional lain yang hendak memecah-belahkan rakyat, saya yakin rakyat akan terus berdiri teguh di belakang Kerajaan dan bersama-sama memusnahkan anasir-anasir anti-nasional itu.

Saudara-saudara sekalian.

Bercakap mengenai kedudukan politik tanahair kita pada masa ini, adalah nyata bahawa kita telah bergerak jauh ke hadapan dari paras tahun 1969 dahulu. Pada masa itu dan setahun dua selepasnya, kita masih berkisar pada platform lama sehinggalah lahir konsep Dasar Ekonomi Baru yang berlandaskan Rukunegara. Kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin Parti yang mempengaruhi sebahagian besar rakyat telah membuka jalan baru untuk mencari persefahaman dan kerjasama ke arah penyatuan tenaga rakyat yang inginkan kesetabilan politik dan kemakmuran negara.

Saya bersyukur kepada Ilahi oleh kerana semasa pimpinan saya dan dengan sokongan penuh ahli-ahli UMNO di seluruh negara, kita telah berjaya mempelopori gerakan membentuk Barisan Nasional yang menyatupadukan tenaga parti-parti yang dahulunya menentang kita untuk bersama-sama melaksanakan cita-cita masyarakat adil dan negara aman bahagia. Sepanjang-panjang tahun lalu setelah adanya ikatan kita dengan PAS, bukan saja kita berjaya meredakan keruncingan politik di kalangan orang-orang Melayu bahkan kita berjaya pula melaksanakan rancangan-rancangan penting berhubung dengan kebesaran ugama Islam yang maha suci. Sukalah saya berterus-terang dengan saudara-saudara pada hari ini iaitu saya ingin melihat ikatan yang kita jalin itu berkekalan dan dalam hal ini ahli-ahli UMNO patutlah faham dan bersedia memberi makna kepada ikatan perpaduan Melayu itu.

Dengan pengertian inilah kita bersama-sama dengan rakan-rakan dalam PAS menjayakan rancangan-rancangan yang mempunyai hubungan erat kepada orang-orang Melayu seperti Lembaga dan Urusan Tabung Haji, Yayasan Dakwah Islamiah supaya hasil dan munafaatnya dapat dinikmati oleh orang-orang kita sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Berbalik semula kepada perkara pokok iaitu menjaga paduan parti sebagai punca kekuatan UMNO, amatlah mustahak ahli-ahli UMNO di setiap Cawangan dan Bahagian sentiasa patuh pada tata tertib Parti serta meletakkan kepentingan Parti dan rakyat di atas kepentingan diri. Lebih-lebih pula orang-orang yang memegang jawatan dalam pimpinan hendaklah sentiasa ingat bahawa mereka diamanahkan oleh ahli-ahli untuk menjalankan urusan parti ataupun negara demi kepentingan rakyat dan seharusnya mereka menjalankan amanah ini dengan sebaik-baiknya. Lazimnya kita lihat pecah-belah yang berlaku dalam parti—termasuk parti lawan-pun—ialah berpunca dari perbuatan setengah-setengah pihak mengabaikan tugas dan amanah yang diberi kepada mereka sedangkan mereka lebih mengutamakan kepentingan diri sendiri. Inilah yang menimbulkan keadaan yang tidak sihat dan pertelingkahan sesama sendiri. Malah yang lebih buruk lagi ialah penyelewengan pemimpin-pemimpin parti yang mengambil kesempatan dari kedudukan mereka dalam Kerajaan untuk kekayaan dan kemewahan diri sendiri.

Saya harap kita akan bersama-sama menjaga dan melihatkan supaya keadaan seperti itu tidak timbul lagi. Kita sudah banyak pengalaman di masa yang sudah-sudah dan tentulah tidak ingin perkara yang semacam ini berulang lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka mengulangi lagi penegasan yang saya buat mengenai sistem demokrasi di negara ini yang mana kita menjunjung tinggi serta mengamalkannya. Apa jua cara kehidupan dan sistem politik mempunyai peraturan-peraturan tertentu dan dengan demikian wajiblah setiap orang memahami Peraturan-peraturan itu. Kita maklum Kerajaan sentiasa menjalankan dasar yang mementingkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan kalau ada penyelewengan oleh sesiapa jua maka perkara itu hendaklah dibawa kepada pengetahuan Kerajaan menurut saluran-saluran tertentu. Kita mempunyai Kerajaan pilihan rakyat sendiri dan menurut sistem

yang kita amalkan itu tidaklah kena pada tempatnya mana-mana golongan mencabar Kerajaan mengenai sesuatu issue ataupun cuba menjatuhkan Kerajaan secara kekerasan. Oleh kerana kita mengamalkan faham demokrasi, maka kita menentang perbuatan anasir-anasir Komunis dan anti-nasional yang bertindak cuba hendak merampas kuasa dengan cara kekerasan seperti itu.

Kerajaan hanya bertanggungjawab kepada rakyat yang memberi mandat kepadanya untuk memerintah bagi sesuatu tempoh dan sebarang perubahan hanya boleh dilakukan menerusi pilihanraya umum. Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa bersedia menerima pandangan dan teguran asal saja dengan tujuan membina untuk faedah rakyat dan negara.

Tidak siapa boleh menafikan kemajuan yang telah kita capai hingga hari ini, dan Kerajaan akan terus menjalankan segala usaha dan ikhtiar untuk membaiki kehidupan rakyat, khasnya mereka yang miskin dan daif kerana tidak mendapat kesempatan selama ini. Kerajaan berazam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan penuh kejayaan supaya keadaan tidak seimbang di kalangan rakyat berbilang kaum dapat diperbaiki dan kemiskinan dihapuskan. Dengan demikian, dapatlah dibina landasan yang kukuh bagi perpaduan rakyat dan kesetabilan negara yang diharap kekal zaman berzaman. Inilah sebenarnya cita-cita murni para pemimpin yang ada sekarang, yang telah memperjuangkan kemerdekaan dulu supaya jenerasi muda hari ini dan yang akan datang mewarisinya dan mempertahankannya.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum, salah satu issue penting yang dihadapi rakyat hari ini ialah kenaikan harga barang-barang atau inflasi. Sebenarnya inflasi ini berpunca dari luar dan oleh kerana kita terpaksa membeli bahan-bahan makanan, barang-barang buatan dan alat-alat jentera dari luar, maka kita juga turut dilanda oleh inflasi ini. Kesulitan-kesulitan akibat inflasi amat dirasakan oleh pekerja-pekerja Kerajaan dan golongan berpendapatan rendah tetapi syukur juga orang-orang kita di kampung dan peserta-peserta rancangan FELDA tidaklah begitu susah kerana harga getah dan kelapa sawit yang agak lumayan pada masa ini.

Bagaimanapun, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah perlu supaya dapat mengurangkan tekanan inflasi ini dan melegakan penderitaan golongan berpendapatan rendah. Saya telah mengarahkan pembayaran elaun bantuan sementara kepada kakitangan

Kerajaan dan badan-badan berkanun dan diharap pihak swasta akan mengambil tindakan yang sama. Begitu juga kita telah melonggarkan sekatan impot untuk beberapa jenis barang termasuk makanan, pakaian dan bahan-bahan binaan. Selain dari itu, tahun ini kita telah meluluskan bantuan buku-buku teks untuk kanak-kanak dari keluarga miskin berjumlah \$40 juta dan satu sistem pinjaman akan dijalankan supaya menjamin pelajaran kanak-kanak itu tidak terganggu.

Dalam pada itu, orang ramai patutlah pula mengambil usaha sendiri mengurangkan perbelanjaan rumah disebabkan barang-barang mahal sekarang ini. Kita boleh bertanam sedikit sebanyak bahan-bahan makanan sendiri seperti sayur-sayuran dan buah-buahan dan juga berternak ayam itek. Dengan mengadakan bekalan sendiri dan tidak mengharapkan penjual-penjual di pasar, kita dapat lega sedikit dari tekanan inflasi di samping membantu menurunkan harga barang-barang amnya. Kerajaan memang menggalakkan pengeluaran barang-barang makanan dan keperluan lain seperti pakaian dan langkah-langkah sudah pun diambil untuk membuka kawasan padi yang baru di Perak dan Pahang.

Mengenai bekalan minyak, kita tidak bimbang kerana Malaysia diberi kedudukan istimewa atau *privileged-nation status* oleh negara-negara pengeluar minyak Arab. Lawatan Menteri Perusahaan Utama³ baru-baru ini mendapat kejayaan dan kita akan terus mendapat bekalan yang cukup sebelum kita dapat memulakan perusahaan minyak milik negara kita sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Tidak lama dulu, saya menyebut bahawa keadaan keselamatan khasnya di Semenanjung patut mendapat perhatian rakyat oleh kerana anasir-anasir komunis cuba hendak bertapak semula di tempat-tempat mereka bergerak semasa darurat pertama dahulu. Mereka telah cuba membuat angkara di kawasan Raub baru-baru ini yang menyebabkan rakyat di situ dan juga di sebelah Perak menderita kesusahan berikutan dengan tindakan Pasukan Keselamatan dan perintah berkurung untuk menghapuskan musuh-musuh negara itu. Sebenarnya orang ramai terpaksa menderita

³ Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud.

oleh kerana perbuatan segolongan kecil yang disyaki menolong penjahat-penjahat itu.

Saya suka mengingatkan rakyat terutama di kampung-kampung baru supaya memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan dalam usaha menentang anasir-anasir jahat ini. Kita berkehendakan keamanan dalam negeri supaya dapat melaksanakan pembangunan besar-besaran untuk faedah rakyat. Seberapa dapat ketenteraman dan kesetabilan dapat pulih semula, begitu juga kita akan mempercepat pembangunan kawasan-kawasan pertanian baru, jalanraya dan lain-lain infrastructure yang akan meningkatkan perkembangan ekonomi negara seluruhnya.

Sesiapapun dapat memahami dengan jelas betapa sia-sianya tindakan yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya menentang Kerajaan yang sah, yang dipilih oleh rakyat. Tambahan pula kita diiktiraf oleh negara-negara Sosialis di Eropah Timur termasuk Soviet Union dan tidak lama lagi kita akan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina. Ini jelas menunjukkan kebijaksanaan dasar luar negara kita hendak bersahabat dengan semua negara di dunia ini tidak kira faham politik dan sistem ekonomi mereka atas dasar saling menghormati dan tidak campur tangan dengan urusan dalam negeri.

Menyebut tentang perhubungan luar, saya sukacita memberitahu saudara-saudara bahawa saya akan mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Lahore minggu hadapan. Syukur Alhamdulillah, negara kita mendapat nama yang harum di sisi negara-negara Islam oleh kerana pendirian kita yang tegas memperjuangkan hak bangsa Arab khasnya rakyat Palestin yang tertindas selama ini di bawah pendudukan Israel. Saya akan mengambil kesempatan ini juga untuk membincangkan hal-hal yang ada mempunyai kepentingan bersama dengan Ketua-ketua Negara Islam yang akan hadir menyertai Persidangan itu dan selepas itu akan membuat lawatan singkat ke Tanah Suci.

Saudara-saudara sekalian.

Parti kita UMNO yang mendukung Kerajaan telah berjuang sekian lama untuk memberi kemakmuran dan kebahagiaan kepada rakyat. Tetapi patut diingat perjuangan UMNO masih belum selesai. Masih banyak yang perlu kita buat terutama untuk rakyat ramai di kampung-kampung luar bandar dengan tujuan memberikan penghidupan yang lebih sempurna kepada mereka. Inilah tugas dan kewajipan yang mesti kita selesaikan.

Bagaimanapun, saya yakin dan percaya selagi ahli-ahli UMNO di semua peringkat taat dan teguh mematuhi disiplin parti dan berjuang mengikut landasan yang telah ditetapkan itu, masa hadapan UMNO dan juga negara sangat cerah. Kita akan terus bergerak maju mencapai cita-cita membina masyarakat adil dalam negara Malaysia yang aman makmur dan diberkati oleh Allah setiap masa.

Dengan harapan inilah saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen UMNO Melaka ini.